



Bahrin bersama pelatih PLPP **mencanting batik.**

FAKTA NOMBOR

1,435 orang

pelatih ikuti kursus di PLPP

14 tahun

penubuhan PLPP



Pelatih didedahkan **latihan elektrik dan elektronik**

PLPP lahir OKU bersemang

B/H 20/11/12 24/25.

*Kursus
kemahiran,
rawatan susulan
bantu penghuni
hidup berdikari*





**NORLIZA
ABDULLAH**

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di negara ini perlu lebih bersemangat untuk mencari peluang meningkatkan keupayaan diri dengan menyertai aktiviti berfaedah bagi membolehkan mereka lebih berdaya saing di pasaran standing rakan yang lebih bernasib baik.

Menyedari pentingnya keperluan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menawarkan pelbagai program latihan dan kursus berkaitan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP) di Bangi, Selangor.

Ibu bapa juga perlu lebih peka mengenai peluang latihan kepada anak mereka berstatus OKU bagi membolehkan mereka mendapatkan latihan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan pasaran yang begitu kompetitif.


Kesungguhan ibu bapa

Kesungguhan ibu bapa memberi dorongan adalah sebahagian daripada inisiatif untuk anak mereka terbabit lebih berdikari dan boleh hidup bermasyarakat dalam sebuah institusi akademik dan latihan kemahiran.

Pengarah PLPP, Zasimah Ahmad Sisman, berkata perkhidmatan latihan dan pemulihan kepada OKU ditawarkan pada tahap maksimum selaras kebolehan dan keupayaan fizikal masing-masing.

Katanya, ia sejajar dengan inspirasi KPWKM mewujudkan pusat kecemerlangan yang mampu menawarkan perkhidmatan sesuai dengan keperluan OKU dan menjadi sumber rujukan semua pihak termasuk swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Objektif penubuhan PLPP sejak pengambilaliran awal pelatihnya mulai 1999



Latihan menjahit membantu pelatih PLPP meningkatkan kecekapan mereka pakaian

amat jelas iaitu memberi kemudahan dan perkhidmatan komprehensif kepada OKU. Kemudahan itu membolehkan mereka mendapatkan pemulihan perubatan dan latihan vokasional, selain mengembalikan kemahiran yang sudah hilang disebabkan kemalangan bagi meningkatkan keupayaan OKU bekerja dan berdikari,” katanya.

Langkah awal pemulihan

Zasimah berkata, kehadiran pelatih di PLPP juga sejajar dengan langkah awal

pemulihan bagi mengelakkan kecacatan yang dialami menjadi lebih teruk.

Katanya, ini kerana pelatih berpeluang mendapatkan rawatan susulan daripada jurupulih perubatan, juruteknik prostetik serta kakitangan lain yang sesuai dengan keperluan mereka.

“Kami juga menyediakan kemudahan pusat sumber untuk kajian dalam bidang pemulihan OKU,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah (Latihan), PLPP, Bahrin Md Lani, berkata sejak memulakan operasi lebih 14 tahun



Pelatih berpeluang mendapatkan **rawatan susulan** di PLPP.

at waja

PLPP di Bangi,
Selangor.



INFO

Kursus pengajian ditawarkan di PLPP

1. Pembantu Tadbir Sistem Maklumat (satu tahun)
2. Rekaan Fesyen dan Jahitan (satu tahun)
3. Juruelektrik (satu tahun)
4. Vokasional Elektronik (satu tahun)
5. Komputer (satu tahun)
6. Jahitan (satu tahun)
7. Lukisan (satu tahun)
8. Pembuatan Anggota Tiruan (dua tahun)
9. Pembuatan Kerusi Roda (dua tahun)
10. Mematik (satu tahun)

Khidmat tambahan disediakan

Perubatan

- ▶ Perkhidmatan disediakan untuk memudahkan pelatih menjalani pemeriksaan perubatan bagi membolehkan mereka didiagnosa dan menjalani rawatan susulan tanpa perlu merujuk ke hospital. Bagi merealisasikan kemudahan fizikal dan peralatan disediakan seperti hospital dengan kemudahan wad, bilik bedah, bilik rawatan, bilik rundingan, bilik fisioterapi, bilik cara kerja, stor ubat serta peralatan perubatan disumbangkan Kementerian Kesihatan.

Kaunseling

- ▶ Kaunseling, runding cara dan bimbingan disediakan bagi membantu dan membimbing pelatih menyesuaikan diri dalam menghadapi masalah berkaitan dengan kecacatan masing-masing. Kebajikan emosi mereka perlu dijaga, kesejahteraan dan tumpuan pelajar dalam usaha untuk



“
**Kehadiran pelatih
di PLPP juga sejajar
dengan langkah
awal pemulihan
bagi mengelakkan
kecacatan yang
dialami menjadi lebih
teruk”**

Zasimah Ahmad Sisman
Pengarah PLPP

“Bakal pelatih juga perlu memenuhi syarat dan jika berminat boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat. Calon boleh mengisi borang permohonan kemasukan yang boleh didapati di setiap pejabat JKM daerah,” katanya.

Bahrin berkata, permohonan hendak-

lah disertakan dengan dokumen berkaitan seperti kad OKU, kad pengenalan diri, sijil kelahiran, sijil pencapaian akademik salinan sijil akademik selain sijil berhenti sekolah dan calon yang layak akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga untuk tindakan susulan.

Temu duga nilai tahap kecacatan

Katanya, sepanjang proses temu duga, calon akan dinilai berdasarkan kepada tahap kecacatan fizikal yang dialami selain pencapaian akademik selain kebolehpayaan mereka menguruskan diri sendiri.

“Pengurusan diri penting kerana PLPP tidak mempunyai tenaga kerja menguruskan mereka. Semua kriteria ini penting bagi memastikan calon benar-benar bersedia hidup berdikari bersama rakan lain di asrama yang disediakan lengkap makan dan minum selain elauun galakan pelajar secara bulanan.

“Pemerhatian mendapati, calon mampu hidup bersama rakan lain dan bermasyarakat menerusi aktiviti harian anjuran pihak pengurusan. Kesungguhan mereka begitu membanggakan dan persekitaran yang kondusif memberi peluang pelatih mempelajari ilmu berasaskan kemahiran dan menguasainya,” katanya.

Bagi sesi pembelajaran bermula awal tahun depan, calon yang berminat, tetapi terlewat menghantar borang permohonan, boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Daerah untuk hadir pada sesi berkenaan. Sesi temu duga akan yang dijadual diadakan di zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur.

menyediakan sebagai peralihan menghadapi masa hadapan dengan letipositif.

Pemulihan vokasional

- ▶ Pemulihan ini penting sebagai proses penyesuaian kerja selain menilai pelat dari segi kemahiran kerja, kebolehan, sikap serta minat untuk mencapai tahap pemulihan vokasional yang optimum

Latihan kemahiran

- ▶ Latihan ini bagi membolehkan pelatih menguasai sesuatu kemahiran untuk bekerja semula atau mendapatkan pekerjaan gantian. Bahagian ini juga menyediakan suasana bekerja serupa dengan keadaan di dalam industri bagi meningkatkan kemahiran mereka. Latihan akan disesuaikan mengikut peluang pekerjaan yang terdapat di pasaran.

Latihan industri dan penempatan kerja

- ▶ Bahagian ini menyediakan peluang pekerjaan melalui kerjasama sektor swasta sehingga pelatih mencapai kemahiran yang membolehkan mereka diserapkan sebagai kerja tetap di luar. Setelah tamat latihan, pelatih ditempatkan dalam pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kebolehan mereka.